

# PROSEDUR OPERASI PIAWAI (SOP) DALAM PENENTUAN AWAL SYAWAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Shahir Akram Hassan<sup>1</sup> & Mohd Shukri Hanapi<sup>2</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)  
Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang

Tel: 04-6532661 Faks: 04-6532124

E-mail: shahirakram@usm.my / shahir\_isdev@yahoo.com

## Abstrak

Perkara berkaitan agama di sesebuah negara kebiasaannya diletakkan di bawah kuasa Sultan atau pemerintah. Setiap negara mempunyai institusi agama bagi melaksanakan urusan agama tersebut. Antara perkara yang termasuk dalam urusan agama itu ialah penentuan awal Syawal. Dalam menentukan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam pasti terdapat prosedur operasi piawai (SOP) yang telah ditetapkan. Persoalannya, apakah SOP penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam? Di bawah enakmen manakah SOP tersebut diperuntukkan? Siapakah yang terlibat menjalankan SOP tersebut? Untuk menjawab semua persoalan ini, kajian ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti SOP penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam; kedua, menganalisis aplikasi SOP dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Bagi mencapai objektif-objektif ini, kajian kualitatif ini menggunakan pakai kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual pakar dalam pengumpulan data. Semua data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Akhirnya, kertas kerja ini merumuskan bahawa SOP penentuan awal Syawal berasaskan *Mimbar Fatwa 5 Negara Brunei Darussalam*, dan diperuntukkan di bawah *Bab 29 Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah 1998*. Ketua Hakim Syarie bertanggungjawab untuk merukyah anak bulan dengan bantuan Ketua Hakim Daerah, Jabatan Ukur dan Pegawai Hal Ehwal Agama. Disebabkan Negara Brunei Darussalam hanya menggunakan kaedah rukyah sahaja, maka ia mempunyai SOP yang tersendiri bersesuaian dengan asas fatwa dan akta yang diperuntukkan.

Kata Kunci: *kaedah, penentuan, rukyah, hisab, bulan, prosedur operasi piawai (SOP)*

## PENGENALAN

Bagi umat Islam, kiraan bulan adalah menggunakan kalendar *Qamari*. Kalendar Qamari juga dikenali sebagai Takwim Qamari. Takwim Qamari menggunakan pergerakan bulan mengelilingi bumi sebagai asas penyusunan takwim (Baharrudin Zainal, 2004). Satu bulan biasanya mengandungi 29 atau 30 hari membina 354 hari bagi tahun biasa dan 355 hari bagi tahun lompat. Sekurang-kurangnya terdapat tiga bulan penting dalam Takwim Qamari yang memerlukan penentuan awal bulan diketahui dengan tepat iaitu awal Ramadan, Syawal dan Dzulhijjah. Bermula satu Ramadan umat Islam diwajibkan mula berpuasa untuk sebulan. Satu Syawal pula, merupakan Hari Raya Aidilfitri bagi umat Islam dan diharamkan untuk berpuasa. Awal Dzulhijjah pula akan menentukan hari bagi Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada 10 Dzulhijjah dan tiga hari *Tasyrik* selepasnya. Oleh sebab terdapatnya kemungkinan berlakunya kekeliruan, satu Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang jelas diperlukan dalam penetapan awal bulan-bulan penting dalam Islam bagi sesebuah negara Islam terutamanya penentuan awal Syawal. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan SOP

---

<sup>1</sup> Shahir Akram Hassan ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

<sup>2</sup> Mohd Shukri Hanapi ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Untuk membincangkan *SOP* dalam penentuan awal syawal di Negara Brunei Darussalam, kajian ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti *SOP* penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam; kedua, menganalisis aplikasi *SOP* dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam.

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian kualitatif ini melibatkan kedua-dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual dengan dua orang responden. Responden pertama, Awang Haji Hassan Haji Metali, Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Brunei Darussalam yang ditemu bual pada 27 Januari 2015; dan responden kedua, Awang Haji Julaihi Haji Lamat, Pemangku Jurukur Kanan, Ketua Bahagian Geodetik, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam yang ditemu bual pada 28 Januari 2015. Kedua-dua responden ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Setelah responden dikenal pasti, mereka ditemu bual menggunakan kaedah temu bual pakar secara separa struktur bagi tujuan mendapatkan data berkaitan penggunaan asas dan *SOP* penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Manakala data sekunder pula diperoleh melalui kajian perpustakaan. Kesemua data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Kertas kerja ini akan dibahagikan kepada empat bahagian perbincangan. Pertama, kaedah penentuan awal Syawal. Kedua, asas penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Ketiga, *SOP* dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Keempat, kesimpulan. Perbincangan berkenaan kaedah penentuan awal Syawal adalah penting sebagai panduan awal mengenai kaedah yang digunakan dalam Islam menurut Syariah Islam dan ilmu Falak. Kemudian, asas kepada penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam akan dibincangkan mengikut ketetapan yang telah dibuat oleh Negara Brunei Darussalam. Asas kepada penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam akan membentuk *SOP* dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam sekaligus melihat bagaimanakah pengaplikasian asas penentuan dalam *SOP* bagi penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam.

## **KAEDAH PENENTUAN AWAL SYAWAL**

Hilal (anak bulan) menjadi tanda penentu kepada awal Syawal dan awal bulan dalam Takwim Qamari yang lain. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Mereka bertanya kepada engkau dari hal hilal. Katakanlah hilal itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadat) haji” (Al-Baqarah 2:189).

Penentuan awal bulan bagi penentuan puasa dan hari raya secara tradisinya adalah seperti yang ditunjukkan oleh sunnah Rasulullah SAW iaitu dengan cara merukyah hilal. Perkara ini juga ada dijelaskan dalam hadis iaitu apabila umat Islam hendak menentukan awal Ramadan seperti hadith yang bermaksud:

“Berpuasalah kamu kerana melihat hilal dan berbukalah kamu kerana melihat hilal. Bila hilal tertutup atasmu, maka sempurnakanlah bilangan Sya'ban tiga puluh hari” (Hadith Riwayat al-Bukhariy, No hadith 1909).

Berdasarkan hadith di atas, asal pensyariatan awal Ramadan atau awal Syawal tertakluk kepada rukyah hilal. Rukyah dari sudut bahasa bermaksud penglihatan. Dari pengertian istilahnya, rukyah ialah melihat hilal (anak bulan) selepas matahari terbenam pada akhir sesuatu bulan Hijri untuk tujuan penetapan awal bulan (Baharrudin Zainal, 2004). Selain itu, hilal juga boleh dianggarkan melalui kaedah hisab. Hisab dari segi bahasa bermaksud hitungan atau kiraan. Definisi hisab dari sudut istilahnya ialah penggunaan kaedah kuantitatif untuk menghitung dan meramal kedudukan hilal (anak bulan) secara rasional saintifik

(Baharrudin Zainal, 2004). Kaedah hisab ini berdasarkan hadith Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.a. yang bermaksud:

“Berpuasalah kamu oleh sebab melihatnya (bulan Ramadan) dan berbukalah kamu (berhari raya) kerana melihatnya (bulan Syawal). Jika ia terlindung (tidak dapat dilihat disebabkan awan), maka hendaklah kamu kadarkan (*faqduru*) baginya” (Hadith Riwayat al-Bukhariy, No hadith 1906)

Menurut Mohammad Ilyas (1984;1997), daripada konsep rukyah dan hisab ini, sekurang-kurangnya terdapat tiga kaedah penentuan awal Syawal. Pertama, melihat hilal (anak bulan) secara fizikal (Rukyah); kedua, melihat anak bulan berasaskan astronomi (Hisab); ketiga, melihat anak bulan berasaskan fizikal-astronomi (Rukyah dan Hisab). Bagi yang menggunakan rukyah sahaja sebagai asas penentuan awal Syawal, jika bulan tidak berhasil dirukyah, maka awal bulan dilakukan dengan menyempurnakan bulan yang sedang berjalan kepada 30 hari. Bagi kaedah hisab sahaja pula, penentuan bergantung kepada hasil bantuan data astronomi yang meramalkan tarikh hilal akan kelihatan. Kaedah Hisab dan Rukyah pula ialah jika posisi bulan telah memenuhi kriteria kenampakan (kriteria *imkan al-rukayah*) dan bulan tidak berhasil dirukyah, maka awal bulan ditetapkan berdasarkan hisab.

Pada masa ini, penentuan awal Syawal diseluruh dunia adalah berdasarkan tiga amalan yang dibincangkan sebelum ini iaitu; pertama, kaedah rukyah semata-mata seperti yang diamalkan oleh negara Arab dan Brunei. Kedua, kaedah hisab falak semata-mata seperti yang diamalkan oleh Amerika Syarikat, Australia dan Singapura. Ketiga, kaedah Rukyah dan Hisab seperti diamalkan oleh Malaysia dan Indonesia.

## **ASAS PENENTUAN AWAL SYAWAL DI BRUNEI DARUSSALAM**

Pendirian dan ketetapan Negara Brunei Darussalam dalam penentuan awal bulan bulan-ibadah seperti Ramadan dan Syawal adalah dengan menggunakan kaedah rukyah. Rukyah *hilal* ini dilakukan pada 29 hari bulan selepas matahari terbenam. Jika *hilal* gagal dilihat, sesuatu bulan itu perlu digenapkan kepada 30 hari. Dalam hal ini, kaedah hisab hanya digunakan sebagai panduan perkiraan sahaja dan tidak digunakan untuk mensabitkan awal bulan walaupun posisi bulan telah memenuhi kriteria *imkan al-rukayah* (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015).

Menurut Awang Haji Hassan Haji Metali (temu bual pada 27 Januari 2015) dan Awang Haji Julaihi Haji Lamat (temu bual pada 28 Januari 2015), antara dalil yang dijadikan sandaran dalam penggunaan kaedah rukyah di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

Pertama: Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah ia berpuasa” (Al-Baqarah, 2:185)

Kedua: Hadith Nabi SAW yang bermaksud:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Dinar r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Bulan itu adalah 29 malam, (oleh itu) maka janganlah kamu berpuasa sehingga kamu melihatnya (bulan itu), jika sekiranya ia terlindung (oleh awan) maka hendaklah kamu sempurnakan (bulan itu) kepada 30 (hari)” (Hadith Riwayat al-Bukhariy, No Hadith 1909)

Menurut Awang Haji Hassan Haji Metali (temu bual pada 27 Januari 2015), berdasarkan dalil-dalil al-Qur’an dan Hadith di atas, YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji

Awang Ismail bin Omar Abd Aziz, Mufti Negara Brunei Darussalam menfatwakan<sup>3</sup> sebagaimana berikut:

“Hadith-Hadith berkenaan memulakan puasa dan berbuka puasa (raya) terlalu banyak, maka Hadith-Hadith itu menerangkan wajib puasa dan berbuka digantungkan Allah pada melihat anak bulan, tidak digantungkan pada anak bulan, atau pada ilmu hisab, atau falak, ditegah mendahului bulan, berpuasa sebelum melihat anak bulan, ditegah menyerbu bulan puasa dengan semana-mana dengan tiada melihat anak bulan atau tiada menyempurnakan bilangan 30 hari, ditegah menyerbu berbuka puasa sebelum melihat anak bulan Syawal, atau menyempurnakan bilangan bulan Ramadan 30 hari, inilah *qawl* (pandangan) yang betul sehingga al-Imam Ibn Hajar r.a. berkata: Oleh sebab benar dan sah Hadith-Hadith itu dan banyak rawinya pada berpuasa dan berbuka dengan syarat melihat anak bulan atau menyempurnakan bilangan bulan 30 hari tiadalah harus bertaklid kepada al-Imam Ahmad” (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015)

Berdasarkan dalil-dalil daripada al-Qur’an, hadith dan Fatwa YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz jelas menunjukkan Negara Brunei Darussalam memegang teguh pendapat Mazhab Syafi’iy iaitu penentuan awal Syawal hanya boleh dilakukan apabila sabit rukyah hilal dengan mata kasar. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan hasil Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan dan pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS)<sup>4</sup> ke-4 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6-7 Ogos 1993 di Bandar Seri Begawan. Pertemuan tersebut telah menghasilkan satu Garis Panduan Hisab Rukyah Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Antara keputusan dalam pelaksanaan rukyah adalah:

*“Selain hisab, rukyah dilakukan untuk menentukan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Dzulhijjah dengan catatan berikut:*

*Rukyah awal Dzulhijjah dilakukan untuk melakukan penyemakan hasil hisab, bukan penentu masuknya awal bulan, kecuali untuk Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura sepakat bahawa jika posisi bulan telah memenuhi kriteria seperti angka II.1 (kriteria imkan al-rukyah) di atas dan bulan tidak berhasil dirukyah, maka awal bulan ditetapkan berdasarkan hisab; **sedangkan bagi Negara Brunei Darussalam, awal bulan dilakukan dengan mengistimkan bulan yang sedang berjalan 30 hari.***

Kriteria *imkan al-rukyah* bagi Negara-negara MABIMS adalah seperti berikut. Pertama, anak bulan berada pada ketinggian tidak kurang dari 2 darjah di ufuk barat ketika matahari terbenam. Kedua, jarak lengkung anak bulan ke matahari ketika matahari terbenam tidak kurang dari 3 darjah, atau umur anak bulan ketika bulan terbenam pada hari rukyah tidak kurang dari 8 jam selepas ijtimak berlaku.

Sebagai contoh, merujuk kepada Jadual 1 yang merupakan data hasil cerapan pada 29 Ramadan 1432 Hijriyyah bersamaan 29 Ogos 2011, walaupun memenuhi kriteria *imkan al-*

<sup>3</sup> Mimbar Fatwa 5: Koleksi Fatwa Allahyarham YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz.

<sup>4</sup> MABIMS adalah kependekan daripada kata-kata Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Ia bermaksud pertemuan-pertemuan tahunan menteri-menteri agama atau menteri-menteri yang bertanggungjawab dalam mengurus masalah agama di keempat-empat buah negara tersebut. Bentuk kesepakatan ini adalah untuk menjaga kemashlahatan dan kepentingan umat tanpa mencampuri hal-hal yang bersifat politik negara anggota. MABIMS mula diadakan pada tahun 1989 di Brunei Darussalam.

*rukayah*, memandangkan Negara Brunei Darussalam mengamalkan pendapat merukyah menggunakan mata kasar, maka jika hilal tidak dapat dilihat, maka wajib digenapkan Ramadan kepada 30 hari.

**Jadual 1: Data Hasil Cerapan Hilal pada 29 Ramadhan 1432 Hijriyyah bersamaan 29 ogos 2011**

Posisi		Tarikh			jam	min	
	Ijtimak	29	Ogos	2011	3	5	UT
Suku	Pertama	4	September	2011	18	4	UT
Bulan	Penuh	12	September	2011	9	27	UT
Suku	Akhir	20	September	2011	14	4	UT
	Ijtimak	29	Ogos	2011	11	5	LT
Suku	Pertama	5	September	2011	2	4	LT
Bulan	Penuh	12	September	2011	17	27	LT
Suku	Akhir	20	September	2011	22	4	LT
<b>Umur Hilal Ketika matahari terbenam</b>					<b>31</b>	<b>23</b>	

Jadual 1 menunjukkan data hasil cerapan pada 29 Ramadhan 1432 Hijriyyah bersamaan 29 Ogos 2011. Dari sudut hisab, kriteria *imkan al-rukayah* dapat dipenuhi, walau bagaimanapun, hilal tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Maka awal Syawal tidak dapat diumumkan bagi mengikut pegangan Negara Brunei Darussalam yang memerlukan hilal dapat dilihat dengan mata kasar sebelum awal Syawal dapat diumumkan.

Kesimpulannya, pegangan Negara Brunei Darussalam dalam penentuan awal Syawal ialah dengan hanya menggunakan kaedah rukyah. Rukyah akan dilakukan pada 29 haribulan Ramadhan bagi menentukan awal bulan Syawal. Jika hilal gagal dilihat, Negara Brunei Darussalam akan menggenapkan kepada 30 hari konsisten dengan hadith dan pendapat Mazhab Syafi'iy. Manakala hisab pada pandangan Brunei, hanya sebagai panduan perkiraan sahaja dan tidak digunakan untuk mensabitkan awal bulan walaupun posisi bulan telah memenuhi kriteria imkan al-rukayah (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015).

## **PROSEDUR OPERASI PIAWAI (SOP) DALAM PENENTUAN AWAL SYAWAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bagi menjalankan SOP dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam, sekurang-kurangnya empat pihak yang akan terlibat secara langsung. Pertama, Ketua Hakim Syar'ie, YDP Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) merangkap Menteri Ugama Brunei Darussalam, Mufti, Kerajaan Negeri Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam. Walau bagaimana pun, selaras dengan fatwa YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd Aziz, kuasa dipertanggungjawabkan kepada Ketua Hakim Syar'ie sebagai mana yang termaktub dalam Akta Mahkamah-mahkamah Syariah Penggal 184, *Bab 29, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah*, Negara Brunei Darussalam menetapkan ketetapan seperti berikut:

“Hendaklah menjadi tanggungjawab Ketua Hakim Syar'ie pada atau lebih kurang waktu awal atau akhir pada tiap-tiap bulan membuat penyiasatan bagi menentukan haribulan bagi bulan-bulan baru boleh berlakunya rukyah dan juga membuat penyiasatan pada mana-mana hari tertentu anak bulan

itu boleh kelihatan dan kemudian mensabitkan dan mengesahkan hasil rukyah itu dengan tandatangannya” (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015)

Daripada kuasa yang diberikan, menjadi tanggungjawab Ketua Hakim Syarie pada atau lebih kurang waktu awal pada tiap-tiap bulan untuk melakukan empat perkara. Pertama, membuat penyiasatan bagi menentukan haribulan bagi bulan-bulan baru boleh berlakunya rukyah. Kedua, membuat penyiasatan pada mana-mana hari tertentu anak bulan itu boleh kelihatan. Ketiga, mensabitkan dan mengesahkan hasil rukyah dengan tandatangannya. Keempat, memaklumkan pensabitan dan pengesahan rukyah kepada YDP Majlis (Menteri Ugama) (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015).

Bagi proses penyiasatan, Ketua Hakim Syarie boleh mengadakan kerjasama bersama Jabatan Ukur dalam membuat perkiraan dan penyediaan data-data rukyah. Selain itu, juga di bawah kuasa Ketua Hakim Syarie untuk menetapkan lokasi-lokasi bagi tujuan pencerapan hilal. Setakat ini, terdapat empat lokasi cerapan yang diguna pakai iaitu; pertama, Bukit Shahbandar, Brunei Muara; kedua, Bukit Agok, Brunei Muara; Bukit Ambog, Tutong; dan keempat, Bukit Lumut, Belait (Temu bual Awang Haji Julaihi Haji Lamat pada 28 Januari 2015). Ketua Hakim Syarie boleh mengarahkan dan menempatkan Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Hakim-Hakim Syarie untuk mengetuai rombongan mencerap hilal di setiap lokasi cerapan hilal. Di bawah seliaan Hakim-hakim Syarie, pegawai-pegawai mahkamah, Mahkamah Syariah, Brunei Darussalam, pegawai-pegawai Jabatan Mufti Brunei Darussalam, pegawai-pegawai Kementerian Ugama Brunei Darussalam, pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam akan diundang untuk turut serta dalam proses cerapan (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015).

Setelah tamat waktu cerapan, Hakim-hakim Syarie yang ditugas dilokasi bersama pegawai-pegawai yang dijemput akan memaklumkan hasil dan data cerapan kepada Ketua Hakim Syarie, YDP Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) merangkap Menteri Ugama Brunei Darussalam dan Mufti, Kerajaan Negeri Brunei Darussalam yang menunggu hasil cerapan di bilik mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam. Ketua Hakim Syarie akan memaklumkan kepada YDP Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) merangkap Menteri Ugama Brunei Darussalam untuk disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Ketua Hakim Syarie akan mengumumkan keputusan hasil cerapan kepada rakyat jelata (Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali pada 27 Januari 2015).

Menurut Awang Haji Hassan Haji Metali (temu bual pada 27 Januari 2015), beliau menegaskan kaedah rukyah yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam adalah dengan menggunakan mata kasar. Cerapan hilal menggunakan alat Astronomi tidak dikira. Berhubung melihat *hilar* dengan mata kasar tanpa menggunakan peralatan optik seperti binokular, teleskop dan teodit inilah, Awang Haji Julaihi Haji Lamat (temu bual pada 28 Januari 2015) mencadangkan supaya perkara ini dirujuk kepada Mufti Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan hukum kesahan merukyah hilal menggunakan alat-alat Astronomi. Sebenarnya, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah dan Taqwim Islam ke-9 pada 19-20 Mei 1998 di Singapura, Delegasi Negara Brunei Darussalam<sup>5</sup> telah melaporkan bahawa Negara Brunei Darussalam pada ketika itu (iaitu

---

<sup>5</sup> Delegasi Negara Brunei Darussalam yang menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Rukyah dan Taqwim Islam Ke-9 pada 19-20 Mei 1998 di Singapura terdiri daripada tiga orang wakil iaitu Pengiran Dato' Haji Jaberuddin Haji Mohd Salleh (Ketua Delegasi), Penolong Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal

pada tahun 1998) melakukan rukyah dengan menggunakan teleskop pada setiap bulan Hijriyyah. Dari segi hasilnya memanglah belum memuaskan. Walau bagaimanapun, kegiatan merukyah ini ada dilakukan pada setiap 29 Hijriyyah dan 30 Hijriyyah sebagai menguji ketepatan dan perkiraan yang dibuat. Dengan itu, Delegasi Negara Brunei Darussalam telah memutuskan untuk mendapatkan teleskop digital seperti yang digunakan di Malaysia dalam usaha Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan usaha-usaha merukyah melalui penggunaan teleskop (Direktorat Pembinaan Badan Peradilan Agama Islam, 2001:58).

## **KESIMPULAN**

Daripada perbincangan di atas, SOP dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam menunjukkan satu prosedur yang teratur, teliti serta dapat memenuhi keperluan yang dituntut agama dalam penentuan awal Syawal di Negara Brunei Darussalam. Hasil dapatan daripada kajian dan temu bual yang dijalankan, sekurang-kurangnya terdapat tiga perkara yang dapat disimpulkan. Pertama, Negara Brunei Darussalam mengikut pendapat Mazhab Syafi'iy dengan hanya menggunakan rukyah dalam mensabitkan merukyah hilal dalam penentuan awal Syawal. Kedua, kuasa diberikan kepada Ketua Hakim Syarie yang mempunyai kuasa pemutus sesuai dengan tugas hakim dalam kerajaan Islam. Ketiga, sesuai dengan pegangan kerajaan Negara Brunei Darussalam yang hanya menggunakan kaedah rukyah, SOP yang digunakan juga konsisten dengan pegangan yang telah ditetapkan dengan mengambil kira persetujuan yang dibincangkan oleh MABIMS walau pun tidak diikuti sepenuhnya.

## **PENGHARGAAN**

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *Pengaplikasian Rukyah dan Hisab di Asia Tenggara* [(RUI)1001/CISDEV/816269] dan telah dibiayai oleh Geran *Research University Individual* (RUI), Universiti Sains Malaysia (2015–2016).

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Abdul Aziz. (2006). *Penyelidikan Ilmu Falak di IPT*. Kertas Kerja Seminar Penghayatan Ilmu Falak Peringkat Kebangsaan 2006. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka. Hotel Legacy Melaka, 25 November.
- Abrided, F.R (1987). *Ibn Khaldun, An Introduction to History. The Muqaddimah*. London: Routledge & Keegan Paul Ltd.
- Ahmat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu Berhubung Dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharrudin Zainal. (2003). *Ilmu Falak: Teori, Praktik dan Hitungan*. Kuala Terengganu: KUSZA.
- Baharrudin Zainal. (2004). *Ilmu Falak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharrudin Zainal. (2007). *Pengkamilan Mekanisme Sains dan Agama dalam Konteks Ilmu Falak: Perlaksanaannya di Universiti Darul Iman Malaysia (kini dikenali sebagai UniSZA)*. Kertas Kerja Seminar Ilmu Falak Sempena Sambutan 20 Tahun Persatuan Falak Syarie Malaysia. Anjuran Persatuan Falak Syarie Malaysia, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi, Selangor, 13-14 Julai.
- Bambang Hidayat (2000). "Indo-Malay Astronomy", dlm. *Astronomy Across Cultures, The History of Non-Western Astronomy*, ed. Helaine Selin. London: Kluwer Academic Publisher.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.
- Dearborn, David S.P (2000). "Astronomy In Ancient Egypt" dlm. *Astronomy Across Cultures, The History of Non-Western Astronomy*, ed. Helaine Selin. London: Kluwer Academic Publisher.
- Direktorat Pembinaan Badan Peradilan Agama Islam (2001). *Himpunan Hasil Musyawarah Jawatankuasa Penyelarasan Rukyat dan Taqvim Islam Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) Ke-1 Sampai Ke-10*. Jakarta, Indonesia: Department Agama Republik Indonesia.
- Encyclopaedia of Islam, The (1983). Leiden: E.J Brill
- Hairudin Harun (2004). *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hartmann William, K (1987). *Astronomy: The Cosmic Journey*. Belmont, California: Wadsworth Pub. Com.
- Ibhor Azli Ibrahim & Radzuan Nordin. (2005). *Peranan Balai Cerap Al-Khawarizmi sebagai medium dakwah berasaskan Sains di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Internasional Dakwah Serumpun Malaysia-Indonesia, IAIN Imam Bonjol, Padang, Indonesia, 23-26 Ogos.
- Ibhor Azli Ibrahim. (2010). *Ilm falak wa al-tanjim min al-manzur al-syar'i*. Tesis Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ibhor Azli Ibrahim, Mohd Razlan Ahmad & Mohd Hafiz Safiai. (2013). "Astrofiah Observatories in Malaysia: A Continuation of Islamic Astronomy", *International Journal of West Asian Studies*, Jld. 5, No. 2, hlm. 35-50. DOI: 10.5895/ijwas.2013.09.
- Mat Rofa Ismail. (2006). *Falsafah Sains: Pendekatan Kualitatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ilyas. (1984). *A Modern Guide to Astronomical Calculation of Islamic Calendar, Times, and Qibla*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Muhammad Ilyas. (1997). *Sistem Kalendar Islam dari Perspektif Astronomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir Mohammad Zain (2003). Sains dan Teknologi Melayu Sebelum Penjajahan Eropah. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, MELAYU, Jld 1, Bil. 2, Disember 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 156 – 216.
- Winstedt, R.O (1981). *The Malay: A Cultural History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.



Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

### **SENARAI TEMU BUAL**

Temu bual Awang Haji Hassan Haji Metali, Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Brunei Darussalam, pada 27 Januari 2015, bertempat di Pejabat Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Brunei Darussalam

Temu bual Awang Haji Julaihi Haji Lamat, Pemangku Jurukur Kanan, Ketua Bahagian Geodetik, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam, pada 28 Januari 2015, bertempat di Pejabat Pemangku Jurukur Kanan, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan Brunei Darussalam.